



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN PROJEK JALAN RAYA LINGKARAN TENGAH UTAMA (LTU) DI KELANTAN DIJADUALKAN AKAN SIAP PADA 2027

GUA MUSANG, KELANTAN - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah turun padang meninjau kemajuan kerja Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) bagi dua pakej kontrak di Jajahan Gua Musang, Kelantan. LTU ini merupakan pembinaan jalan baharu dan menaiktaraf jalan sedia ada sepanjang hampir 306.8 kilometer (km) dari Kuala Krai, Kelantan ke Persimpangan LPT, di Bentong, Pahang. LTU ini dibina berasaskan 4 lorong 2 hala (*4-lane dual carriageway*) mengikut piawaian JKR R5.

2. Projek LTU dilaksanakan dengan objektif untuk meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti rakyat Malaysia Madani yang menggunakan jalan darat ke Pantai Timur. Setelah siap, masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu akan dapat dipendekkan daripada 7 jam ke 4.5 jam sekaligus menjimatkan keseluruhan kos perjalanan terutama kos bahan api di samping keselesaan dan mutu keselamatan.

3. Bagi Negeri Kelantan, terdapat 3 pakej LTU yang melibatkan laluan sepanjang 125.1 km di dua jajahan iaitu Gua Musang dan Kuala Krai. Pelaksanaannya dibuat melalui 10 pakej kontrak yang kini berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Sebahagian besar jajaran LTU di negeri Kelantan merupakan kerja menaiktaraf laluan Jalan Persekutuan FT008.

4. Projek LTU di Jajahan Gua Musang melibatkan jajaran sepanjang 78.15 km yang dilaksanakan melalui 6 pakej kontrak iaitu Seksyen 3E1: Sempadan Gua Musang ke Kuala Lipis (telah siap pada 2020), Seksyen 3D, Seksyen 3B dan 3C, Seksyen 2C, Seksyen 2B dan Seksyen 2A.

5. Timbalan Menteri hari ini memfokuskan kepada Seksyen 2C: Bukit Sejuk ke Bandar Baru Gua Musang dan Seksyen 3B dan 3C : KM 180.5 FT 08 ke Bulatan Gua Musang. Bagi Seksyen 2C, kemajuan kerja sehingga 15 Julai 2024 adalah sebanyak 22.27%. Projek yang bermula pada Julai 2021 ini dijangka siap pada Februari 2026 dengan kos asal kontrak bernilai RM371.5 juta.

6. Skop utama Seksyen 2C ini ialah membina jalan baharu dan menaik taraf jalan sedia ada kepada jalan berkembar 4 lorong dengan piawaian JKR R5 (90km/jam) sepanjang 19.60 km serta membina dan menaik taraf dua buah jambatan merentasi Sungai Renok dan Sungai Asap.

7. Bagi Seksyen 3B dan 3C pula, kemajuan fizikal sehingga 15 Julai 2024 ialah 56.80%. Kerja yang bermula pada Jun 2020 ini dijadualkan siap pada Mac 2025. Kos kontrak asal seksyen ini ialah RM181.96 juta. Skop kerja utama adalah membina jalan baru sepanjang 5.0 km dan menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 1.97 km berasaskan 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 serta pembinaan tiga jambatan.

8. Selain di Jajahan Gua Musang, Projek LTU turut dilaksanakan bagi kemudahan dan keselesaan rakyat Jajahan Kuala Krai yang melibatkan jajaran sepanjang 47 km dan dilaksanakan melalui 4 pakej kontrak iaitu Seksyen 1A Seksyen 1B Seksyen 1C dan Seksyen 1D. Secara holistik, semua kontrak LTU di dua Jajahan Negeri Kelantan ini berjalan lancar dan dijangka siap keseluruhannya pada tahun 2027.

9. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. Fokus berterusan terhadap jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dalam membina rangkaian jalan raya selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
25 JULAI 2024